



Pegawai 17

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)  
Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.  
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541  
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



(4311-2)

43

Rujukan: KKT&P: 100-4/5/1 (43)

20 Mac 2019

Presiden,  
Majlis Perbandaran Sandakan dan Tawau

Pegawai Eksekutif  
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Daerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 1/2019  
PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN (ASP) BAGI TAHUN  
KEWANGAN 2019**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar mengambil perhatian yang serius terhadap keadaan permohonan ASP bagi Tahun Kewangan 2019.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Untuk makluman semua, permohonan Peruntukan Tambahan (ASP) adalah bertujuan untuk menampung perbelanjaan tambahan yang mana telah melebihi Anggaran Tahunan yang diluluskan bagi Tahun Kewangan yang **SAMA**.
- 2.2 Pada masa ini, adalah diperhatikan masih terdapat beberapa PBT yang mengemukakan permohonan ASP bagi Tahun Kewangan terdahulu untuk menyelaraskan Perbelanjaan yang telah melebihi Peruntukan Tahunan yang diluluskan. Amalan seperti ini amatlah tidak digalakkan dan telah bercanggah dengan FILAS (30) yang mana dengan jelasnya memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang dilakukan **TIDAK BOLEH** melebihi Anggaran Tahunan yang diluluskan.

.../2-

**“BERSAMA MEMBUDAYAKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG”**

KKT&P: 100-4/5/1 (43)

20 Mac 2019

- 2 -

- 
- 2.3 Adalah menjadi tanggungjawab setiap PBT untuk memantau, mengawal dan memastikan Perbelanjaan bagi setiap Vot di bawah kawalan Tuan/Puan tidak lebih dibelanja (Overspent) selaras dengan **FILAS (30)**.

### 3. KAEADAH PENGUATKUASAAN

- 3.1. Semua Permohonan ASP di mana tambahan tersebut tidak dapat ditampung dengan cara Pindahan Peruntukan (Viremen), perlu dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahaan untuk kelulusan.
- 3.2. Semua permohonan ASP hendaklah dikemukakan dalam **4 salinan** dengan menggunakan Borang '**Application for Supplementary Provision**' seperti dalam **FILAS Appendix B**.
- 3.3. **FILAS Chapter II para 25 sehingga 31** mestilah dipatuhi bagi semua permohonan ASP.
- 3.4. Semua permohonan ASP bagi Tahun Kewangan sebelum 2019 **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk kelulusan.
- 3.5. Semua permohonan ASP bagi Tahun Kewangan 2019 mesti dikemukakan dan disampaikan ke pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan **PADA** atau **SEBELUM 30 Ogos 2019**. Permohonan yang lewat diterima **TIDAK** akan di pertimbangkan.
- 3.6. Semua permohonan ASP yang diterima dalam Tahun Kewangan 2019 bagi sesuatu Vot Perbelanjaan **MESTILAH** untuk menampung tambahan perbelanjaan Tahun 2019 **SAHAJA**.

### 4. TARIKH KUATKUASA

Surat ini berkuatkuasa dengan **SERTA MERTA**

KKT&P: 100-4/5/1(43)  
20 Mac 2019

- 3 -

---

## 5. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang kemasukan dalam pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung dengan Bahagian Akaun, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk mendapat makluman dan penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**\*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN  
AMANAH\***



[ HAJAH MASNAH MATSALLEH ]  
Setiausaha Tetap

JL/ry  
20032019